

Isikan tempat kosong dengan antonim (kata berlawanan bagi perkataan yang bergaris dalam ayat-ayat di bawah ini).

bersetuju

amali

cekal

jasmani

menyisihkan

longgar

1. Program yang dijalankan bukan sahaja berdasarkan kepada teori, tetapi juga berdasarkan kegiatan _____.
2. Amalan nilai murni ini dapat memperkukuh hubungan antara kaum, sedangkan perbuatan yang negative akan menyebabkan perpaduan menjadi _____.
3. Kegiatan yang dijalankan itu dikatakan dapat mendekatkan diri dengan anggota masyarakat, bukannya bertujuan untuk _____ diri daripada golongan tua.
4. Sikap cepat berputus asa akan terkikis apabila para peserta didedahkan dengan aktiviti yang dapat memupuk sikap _____ apabila menghadapi rintangan.
5. Ada sesetengah belia yang enggan menyertai program ini pada mulanya telah _____ setelah melihat kawan-kawan mereka semangat menjalankan aktiviti yang dirancang oleh Jabatan Belia dan Sukan.
6. Kegiatan yang dijalankan dapat memantapkan keluhuran rohani dan _____ belia supaya mereka lebih tabah serta berfikiran terbuka.